

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 JAN 2015

Simpati PM kepada waris

BH
-30/1/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak melahirkan rasa simpati kepada keluarga penumpang dan kru pesawat MH370 berikutan pengumuman kerajaan bahawa kehilangannya adalah suatu kemalangan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, usaha mencari

pesawat terbabit akan diteruskan.

“Hari ini ingatan saya bersama keluarga mereka yang berada dalam pesawat MH370. Pencarian akan diteruskan. Malaysia, Australia dan China kekal komited untuk mencari pesawat itu,” katanya dalam mesej

Twitter, malam tadi.

Petang semalam, Ketua Pengerah Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman, mengumumkan bahawa kehilangan MH370 adalah suatu nahas dan semua 239 penumpang serta kru terkorban.

BERNAMA